



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN PUBLISITI DAN PENYERTAAN
AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG
PERAI 2030**

OLEH

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L
KARPAL SINGH
PENGERUSI JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN,
PERUMAHAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**09 JULAI 2021 (JUMAAT)
11.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Norliza Binti Abdullah

Pengarah Perancang Bandar – (Urus Setia Program)

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media,

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penutupan Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 yang amat penting dan bermakna khususnya kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan seluruh warga penduduk Seberang Perai.

Tujuan Publisiti dan Penyertaan Awam adalah bagi memenuhi Seksyen 13, Akta 172 bahawa sebelum Draf Rancangan Tempatan diluluskan untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT), orang ramai diberi peluang untuk memberi cadangan dan mengemukakan bantahan. Tujuan publisiti dan penyertaan awam adalah menggalakkan masyarakat untuk sama-sama terlibat dalam perancangan pembangunan masa depan kawasan mereka. Publisiti ini juga bertujuan untuk memberitahu pemilik tanah dan penduduk tempatan mengenai cadangan jenis pembangunan di lot -lot tanah kawasan Seberang Perai untuk tempoh perancangan sehingga tahun 2030.

Tempoh publisiti dan penyertaan awam DRTSP2030 adalah dari 12 April 2021 hingga 11 Jun 2021 dan dilanjutkan sehingga 9 Julai 2021 berdasarkan Seksyen 13(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) yang membenarkan pelanjutan sekali tidak lebih daripada empat (4) minggu. Publisiti tidak dibawa secara bersemuka bagi mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta terdapat kakitangan MBSP yang bertugas di kaunter Pameran Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara yang dijangkiti positif COVID-19. Dalam tempoh PKP tersebut juga, pada 19 Mei 2021, semua pameran publisiti dan penyertaan awam adalah ditutup iaitu di kesemua lima (5) tempat pameran iaitu di lobi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan serta di PlanMalaysia@ Tingkat 57, KOMTAR, Pulau Pinang.

Pada 20 Mei 2021 pemakluman kepada orang awam bahawa penutupan sementara telah dikeluarkan di lima (5) lokasi seranta /publisiti pemeriksaan DRTSP 2030 dan di laman web MBSP mulai 20 Mei 2021 hingga 7 Jun. Telah sambungkan PKP dari 8 Jun hingga 28 Jun dan dari 29 Jun hingga sekarang (9 Julai 2021).

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Hasil daripada publisiti dan penyertaan awam yang dijalankan selama tiga (3) bulan bermula 12 April hingga 9 Julai 2021. MBSP telah menerima sejumlah maklumbalas DRTSP2030 yang begitu memberangsangkan daripada pelbagai pihak iaitu sebanyak **2,559** maklumbalas sehingga tarikh 6 Julai 2021. Tahniah diucapkan di atas maklumbalas daripada responden / penduduk Seberang Perai yang memberi maklumbalas kerana ianya merupakan jumlah tertinggi sepanjang kajian DRTSP 2030 yang telah dilaksanakan.

Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai mengambil maklum maklumbalas yang telah dihantar dan akan diteliti semua maklumbalas tersebut sebelum dibentangkan ke Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) untuk pertimbangan. Langkah seterusnya adalah menyediakan laporan publisiti, menyemak dan memberi ulasan kepada semua maklumbalas yang diterima kepada JKSTP sebelum memanggil responden untuk memperjelaskan maklumbalas yang dikemukakan kepada JKSTP. JKSTP akan membuat keputusan kepada semua maklumbalas yang diperdengarkan dan keputusan tersebut dibentangkan untuk kelulusan Majlis Penuh dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). Responden akan dimaklumkan berkenaan keputusan maklumbalas yang dikemukakan sebelum DRTSP ini dipinda sebelum diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk pewartaan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP mempunyai visi dan misi yang jelas iaitu “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”. Manakala misi MBSP pula ialah “menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai”. Justeru, bagi merealisasikan wawasan yang agung ini, MBSP menetapkan tiga (3) sasaran korporat iaitu:

1. Bandar Raya Rendah Karbon tahun 2022
2. Bandar Raya Neutral Karbon 2030
3. Bandar Raya Sisa Karbon 2050

MBSP juga komited bersama bandaraya-bandaraya besar di dunia untuk menanggani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global 1.5°C . Justeru, dengan penglibatan Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan dalam menghasilkan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030, saya berharap agar misi, visi dan komitmen Seberang Perai ke arah *Smart Sustainable City* dapat dicapai.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah sudi melapangkan masa untuk menghadiri majlis ini dan berharap agar Majlis Penutupan Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 dijadikan halatuju dalam membangunkan Seberang Perai Khususnya.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penyediaan Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini, terutamanya kepada Jabatan Perancang Bandar MBSP.

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan tagline MBSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Akhir kata, terima kasih kepada warga Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. ***Seperti kata peribahasa Melayu, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.*** Terima kasih sekali lagi kepada pihak yang terlibat atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awal Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.